

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN
DARIPADA : YB DR. ONG KIAN MING [SERDANG]
TARIKH :
SOALAN : 302**

Dr. Ong Kian Ming [Serdang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan maklumat dan statistik terkini tentang perkhidmatan komuniti psikiatri (hospital based community psychiatry services), berapakah jumlah lawatan ke rumah pesakit yang dikendalikan oleh hospital-hospital awam di setiap negeri sejak 2010 hingga sekarang, terbahagi kepada perawatan jenis komuniti akut (Acute Community Psychiatry) dan perawatan jenis komuniti asertif (Assertive Community Psychiatry).

Tuan Yang di-Pertua,

KKM telah mempunyai sebanyak 54 buah hospital yang telah menyediakan perkhidmatan psikiatri. Kesemua hospital ini telah menyediakan perkhidmatan komuniti psikiatri berasaskan hospital.

'Acute community psychiatry' merupakan rawatan pesakit psikiatri akut yang disediakan di rumah pesakit bagi pesakit-pesakit akut dalam kawasan liputan. *'Assertive community psychiatry'* merupakan perawatan yang disediakan secara asertif dalam komuniti sesuai dengan tahap keterukan pesakit psikiatri kronik.

Terdapat sebanyak 95,312 jumlah lawatan ke rumah pesakit bagi tempoh 2010 hingga kini, iaitu 8,819 bagi perawatan akut dan 86,493 bagi perawatan asertif.